



PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN

**PPG316 - KAEDAH MENGAJAR GEOGRAFI 2**

SEMESTER 2

SIDANG AKADEMIK 2019/2020

**TAJUK :**

PEMBELAJARAN KONTEKSTUAL

**NAMA:**

IBNU SANY BIN SAMSULBAHRI

136361

**NAMA PENSYARAH :**

PROF. MADYA DR. AZIAH BINTI ISMAIL

**TARIKH PENGHANTARAN :**

20 MEI 2020

## PENGENALAN

Pembelajaran kontekstual merupakan salah satu strategi pembelajaran yang boleh digunakan oleh guru untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran bagi menarik minat pelajar di samping mampu meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Pembelajaran kontekstual juga merupakan salah satu elemen yang dapat mempromosikan 4K dalam Pembelajaran Abad ke-21 iaitu Komunikasi, Kolaboratif, Kreatif dan Kritis. Secara umumnya, pembelajaran kontekstual atau *Contextual Teaching Learning (CTL)* ini merupakan konsep pembelajaran yang beranggapan bahawa pelajar akan belajar dalam keadaan yang lebih baik apabila mereka mengalami sendiri situasi pembelajaran tersebut dan bukannya hanya sekadar mengetahuinya. Dengan erti kata lain, pembelajaran kontekstual ini membolehkan pelajar melakukan penerokaan sendiri dalam proses pembelajaran. Oleh itu, pembelajaran kontekstual ini berupaya untuk menguji pengetahuan sedia ada dalam diri pelajar setelah apa yang mereka pelajari dan ketahui sebelum ini.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, kontekstual ini bermaksud berkaitan dengan atau menurut konteks. Pembelajaran kontekstual yang diperkenalkan oleh John Dewey ini adalah berlandaskan pemikiran konstruktivisme iaitu pengetahuan dibina sendiri oleh manusia dan sedikit demi sedikit hasilnya akan diperluaskan melalui konteks yang terbatas (Rusman 2012). Menurut Susan Sear (2003), pengajaran dan pembelajaran kontekstual ini adalah konsep yang dapat membantu guru dalam mengaitkan sesuatu perkara dengan situasi dunia sebenar. Johnson B. Elaine (2002) pula merumuskan pembelajaran kontekstual adalah satu proses dalam pendidikan yang bertujuan untuk membantu pelajar melihat makna dalam bahan akademik yang mereka telah pelajari dengan menghubungkan mata pelajaran akademik dengan konteks kehidupan seharian mereka, iaitu dengan konteks keadaan peribadi, sosial dan budaya mereka. Howey R. Keneth (2001) pula menyatakan bahawa pembelajaran kontekstual ini adalah pengajaran yang membolehkan pelajar menggunakan pemahaman dan kemampuan akademik yang dimilikinya dalam pelbagai konteks dalam mahu pun luar sekolah untuk menyelesaikan masalah bersifat simulasi atau dunia sebenar, sama ada sendiri atau pun bersama-sama.

Oleh itu, dalam penulisan ini, penulis akan menjelaskan serba sedikit berkaitan dengan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran bagi pembelajaran kontekstual ini.

## **STRATEGI PEMBELAJARAN KONTEKSTUAL**

Proses pengajaran dan pembelajaran amat penting dalam aspek pendidikan. Sebagai seorang pendidik, guru perlulah bijak dalam menggunakan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang sesuai dengan kebolehan pelajar. Strategi pembelajaran kontekstual ini adalah bersifat holistik dan menyeluruh. Dalam pembelajaran kontekstual pengajaran dan pembelajaran mestilah memenuhi strategi berikut:

### **I. MOTIVASI**

Motivasi merupakan salah satu ransangan yang bertujuan untuk menarik minat pelajar. Pelajar yang diberikan motivasi secara berterusan sehingga menimbulkan minat terhadap sesuatu topik pembelajaran akan cenderung untuk menghasilkan idea asas terhadap tajuk yang dibincangkan merangkumi pengenalan, isu perbincangan dan penggunaan alat bantu mengajar yang berkesan.

### **II. PEMAHAMAN**

Pemahaman merangkumi pengetahuan, nilai dan kemahiran pelajar. Kaedah penyampaian pengajaran yang dilakukan oleh guru hendaklah dipelbagaikan agar dapat menarik minat pelajar di samping memberika kefahaman kepada mereka. Pelajar juga akan diberikan kebebasan untuk mengutarakan perkara-perkara yang telah diajarkan dan dikuliahkan oleh guru agar persoalan mereka terjawab. Antara contoh pemahaman adalah melalui penerangan konsep dan perbincangan, melakukan contoh kajian dan pembacaan.

### **III. APLIKASI**

Aplikasi merupakan kebolehan pelajar dalam menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperolehi dalam situasi yang berlainan untuk melaksanakan atau menyelesaikan sesuatu perkara. Guru boleh mengaitkan isi pembelajaran dengan bidang kerjaya yang berkaitan. Kebolehan pelajar mengaplikasikan pengetahuan yang mereka ada dengan situasi sebenar dalam kerjaya yang mereka akan ceburi suatu hari nanti merupakan aset utama yang mereka perolehi hasil daripada pembelajaran secara kontekstual. Aplikasi ini melibatkan aktiviti *hands-on* dan penyelesaian masalah.

#### **IV. IMBASAN KEMBALI DAN KEMAJUAN**

Imbasan kembali dan kemajuan merupakan aspek yang penting dalam pembelajaran kontekstual ini. Imbasan kemabli dan kemajuan adalah aspek berkait rapat. Apabila guru mengutarakan sesuatu tajuk, pelajar akan secara tidak langsung akan mengimbas kembali fakta atau konsep yang dipelajari. Perbincangan boleh dilakukan antara pelajar untuk memperkayakan lagi pengetahuan mereka. Setelah itu, penilaian kemajuan pelajar akan dijalankan menerusi kaedah bertulis, lisan dan pemerhatian. Contoh-contoh penilaian yang boleh dilakukan ke atas pelajar termasuklah kuiz, perbincangan berkumpulan, penghasilan projek, ujian bertulis dan sebagainya. Tindak balas pelajar melalui perubahan perlakuan dan sikap akan digunakan sebagai petunjuk bahawa pelajar benar-benar memahami dan menghayati isi pembelajaran.

## **PENDEKATAN PEMBELAJARAN KONTEKSTUAL**

Nurhadi dan Senduk (2003) menyatakan terdapat enam pendekatan yang boleh digunakan dalam pembelajaran kontekstual ini iaitu pembelajaran berasaskan masalah, pembelajaran koperatif, pembelajaran berasaskan inkuiri, pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran berasaskan kerja dan pembelajaran berasaskan layanan.

### **I. PEMBELAJARAN BERASASKAN MASALAH**

Pembelajaran berasaskan masalah ini merupakan pendekatan pembelajaran yang menggunakan masalah yang terdapat di dunia nyata sebagai satu konteks bagi pelajar belajar dengan menggunakan pemikiran kritis dan kemahiran dalam menyelesaikan masalah. Di samping meningkatkan semangat ingin tahu, pelajar juga dapat merapkan pembelajaran konstruktivisme dalam membina dan menyelesaikan masalah sendiri (Nurhadi dan Senduk, 2003).

### **II. PEMBELAJARAN KOOPERATIF**

Pembelajaran kooperatif ini pula merupakan pembelajaran yang mengutamakan konsep berkerjasama dalam kumpulan antara pelajar untuk menyelesaikan masalah dalam mencapai tujuan pembelajaran. Para pelajar akan dibahagikan ke dalam kumpulan-kumpulan kecil, kemudian mereka bersama-sama berkerjasama untuk menyelesaikan masalah yang diberikan oleh guru. Dalam hal ini, guru hanya bertindak sebagai fasilitator sahaja. Lie (2002) menerangkan bahawa pembahagian kumpulan pelajar ini perlulah bersifat heterogen iaitu kepelbagaian. Pengumpulan ini boleh dibentuk dengan mengambil kira kepelbagaian jantina, etnik, latar belakang sosio-ekonomi dan keupayaan akademik.

### **III. PEMBELAJARAN BERASASKAN INKUIRI**

Pembelajaran berasaskan inkuiri ini merupakan pembelajaran yang menerapkan semangat ingin tahu pelajar terhadap sesuatu perkara. Pembelajaran berasaskan inkuiri ini merupakan pembelajaran yang berpaksikan kepada persoalan dan soalan-soalan untuk merungkai tajuk yang dipelajari. Pembelajaran inkuiri ini juga dikaitkan dengan kaedah pembelajaran sains kerana pelajar perlu melakukan penyelidikan terhadap sesuatu masalah untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang diberikan. Lukmanul Hakim (2009) menyatakan guru perlu

merancang keadaan pembelajaran inkuiri yang membolehkan pelajar menggunakan prosedur untuk mengenal pasti masalah, membina hipotesis, menjawab soalan, gunakan prosedur penyelidikan atau penyiasatan, menyediakan rangka kerja untuk berfikir, dan penjelasan yang berkaitan dengan pengalaman di dunia nyata.

#### **IV. PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK**

Pembelajaran berasaskan projek ini merupakan bentuk pembelajaran yang dapat diwujudkan melalui persekitaran konstruktif. Menurut Veerasmy Naidoo (2010), pembelajaran berasaskan projek ini merupakan model pendidikan yang mengutamakan projek dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Para pelajar perlu menghasilkan projek sesuai dengan kehendak guru berdasarkan soalan yang diberikan. Sebagai contoh projek yang boleh dihasilkan oleh pelajar seperti poster, buku skrap, model, relia dan sebagainya. Pembelajaran jenis ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kreativiti dan inovasi para pelajar.

#### **V. PEMBELAJARAN BERASASKAN KERJA**

Pembelajaran berasaskan kerja ditakrifkan sebagai pembelajaran yang diberikan oleh universiti, rakan sekerja atau mana-mana institusi mahir di tempat kerja dengan kerjasama industri (Lukmanul Hakim, 2009). Kaedah pembelajaran jenis ini melibatkan proses pembelajaran di tempat kerja yang sebenar dan operasi kerja sebenar dengan bayaran atau percuma. Dengan erti kata lain, pembelajaran ini akan dapat memberikan pengalaman yang hebat kepada pelajar serta memberi peluang kepada mereka untuk meletakkan diri dalam bidang industri yang mereka minati.

#### **VI. PEMBELAJARAN BERASASKAN LAYANAN**

Pembelajaran berasaskan layanan pula merupakan kaedah pembelajaran yang menggabungkan perkhidmatan masyarakat dengan struktur sekolah untuk mencerminkan perkhidmatan, menekankan hubungan antara perkhidmatan yang dialami oleh semasa proses pembelajaran di sekolah. Pembelajaran ini juga membentangkan aplikasi pengetahuan baru dan pelbagai kemahiran untuk memenuhi keperluan komuniti melalui projek berstruktur atau tugas dan aktiviti yang lain.

## **KAEDAH-KAEDAH PEMBELAJARAN KONTEKSTUAL**

Pembelajaran kontekstual dapat dicapai dan diimplementasikan dalam pelbagai bentuk semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Muslich Masnur (2009), untuk memahami dengan lebih mendalam tentang konsep kontekstual ini, COR (Center for Occupational Research) di Amerika telah mengakronimkan lima konsep di bawah ringkasan REACT iaitu *Relating, Experiencing, Applying, Cooperating, and Transferring*. Dengan menggunakan satu topik pembelajaran iaitu Pandang Darat Fizikal dan Pandang Darat Budaya dalam Peta Topografi dalam subjek Geografi, konsep REACT akan diterangkan dibawah:

### **I. RELATING**

*Relating* (Menghubungkan) merupakan salah satu proses pembelajaran yang menghubungkan pengajaran dalam konteks pengalaman hidup dengan pengetahuan baru dan pra-pengetahuan pelajar. Dengan erti kata lain, pelajar akan dapat mengaitkan konsep baru dengan pengetahuan sedia ada mereka.

Sebagai contoh dalam topik pengajaran Geografi iaitu Pandang Darat Fizikal dan Pandang Darat Budaya dalam Peta Topografi, para pelajar melakukan hubungan kait antara pandang darat fizikal dan pandang darat budaya yang terdapat pada dunia nyata dengan simbol-simbol yang terdapat dalam peta topografi.

### **II. EXPERIENCING**

*Experiencing* (Mengalami) membolehkan pelajar terlibat secara aktif dalam perkara yang mereka pelajari. *Experiencing* dapat memberikan penemuan, pendedahan, penerokaan dan penciptaan kepada pelajar. Pelajar akan mengalami sendiri, membuat uji kaji, mencari sendiri idea dan fakta melalui pembelajaran yang mengutamakan proses berfikir secara kritis seperti inkuiri.

Pelajar akan mengalami dengan melihat sendiri padang darat fizikal dan pandang darat budaya dalam kehidupan seharian sebagai contoh sungai, pokok, sekolah, jambatan dan sebagainya yang ada disekeliling mereka.

### **III. APPLYING**

*Applying* (Mengaplikasi) membolehkan pelajar menggunakan maklumat yang sedia ada dengan menyelesaikan masalah yang diberikan oleh guru. *Applying* menekankan proses mendemonstrasikan pengetahuan yang ada dalam

konteks dan pemanfaatnya. *Applying* ini juga bukan sahaja dilakukan dalam aktiviti bilik darjah, tetapi juga di luar bilik darjah sama ada dalam kehidupan atau bidang pekerjaan pada masa akan datang.

Dengan adanya pengalaman melihat pandang darat fizikal dan pandang darat budaya di dunia nyata, pelajar akan dapat mengaplikasikan pengetahuan tersebut dengan memberi contoh ciri pandang darat fizikal dan pandang darat budaya berdasarkan simbol dalam peta topografi.

#### **IV. COOPERATING**

*Cooperating* (Berkerjasama) adalah proses yang membolehkan pelajar melakukan perkongsian dan berkomunikasi antara satu dengan yang lain bagi mewujudkan suasana berkerjasama dalam menyelesaikan masalah. Pelajar akan melalui proses kolaboratif dan kooperatif melalui belajar secara berkelompok, komunikasi interpersonal atau hubungan intersubjektif.

Pelajar akan dapat berkomunikasi dengan rakan sekumpulan dalam menjelaskan melalui contoh hubung kait antara ciri pandang darat fizikal dan ciri pandang darat budaya dalam peta topografi.

#### **V. TRANSFERING**

*Transferring* (Memindahkan) membolehkan pelajar memanfaatkan pengetahuan baru yang ditemui melalui penerokaan, pengujian dan mencari jawapan. Pelajar berkemampuan dan memanfaatkan pengetahuan, keterampilan, nilai dan sikap yang dimiliki dalam situasi atau konteks yang baru.

Dengan adanya pengetahuan ini, pelajar akan mampu membaca peta topografi dengan mudah dalam kehidupan seharian dan dapat diaplikasikan dalam aktiviti sebagai contoh digunakan semasa *jungle tracking*, mendaki dan sebagainya.



## **TEKNIK-TEKNIK PEMBELAJARAN KONTEKSTUAL**

Teknik adalah cara untuk menjayakan kaedah. Setiap kaedah mempunyai prinsip-prinsip tertentu. Maka teknik akan membantu dalam membezakan kaedah. Terdapat beberapa teknik yang boleh digunakan untuk menggunakan pembelajaran secara kontekstual ini antaranya ialah (Drs. H. M. Idrus Hasibuan, 2014)

- a. Guru hendaklah menggunakan bahan yang telah dipilih berdasarkan keperluan pelajar. Bahan ini perlulah berkait rapat dengan konteks kehidupan pelajar dan bersifat nyata. Hal ini secara tidak langsung akan dapat mengembangkan pemikiran pelajar kerana akan belajar dengan lebih bermakna apabila melakukan sendiri, menemui sendiri, dan membina pengetahuan dan kemahiran baru mereka sendiri.
- b. Guru perlulah melaksanakan sebanyak mungkin aktiviti inkuiri untuk semua topik. Oleh itu, teknik ini akan mengembangkan perasaan ingin tahu pelajar terhadap perkara yang dibelajarnya. Secara tidak langsung, ini akan merangsang pemikiran kritis pelajar terhadap persoalan-persoalan yang dipelajari. Pelajar akan menggunakan pemikiran kritis mereka untuk menilai idea bagi menjawab segala persoalan yang timbul.
- c. Semasa proses pembelajaran kontekstual ini dijalankan, guru hanya bersifat sebagai pembimbing. Kunandar (2009) menerangkan tugas guru dalam pembelajaran kontekstual adalah sebagai fasilitator sahaja. Pelajar akan melakukan pembelajaran sendiri dengan mengalami dan menemui apa yang dipelajari sebagai hasil pembinaan sendiri. Oleh itu, guru perlu memastikan bahawa semua pelajar perlu melibatkan diri secara aktif dan menyeluruh.
- d. Tempat belajar yang dilaksana oleh guru tidak hanya dilakukan di dalam kelas sahaja. Guru boleh melakukan proses pengajaran dan pembelajaran di pelbagai tempat, keadaan dan konteks. Antaranya ialah makmal komputer, padang sekolah, bawah pokok dan sebagainya.
- e. Pembelajaran kontekstual perlu melibatkan kolaboratif antara pelajar. Sesuai dengan pendekatan kooperatif, guru perlu membentuk kumpulan kecil yang membolehkan pelajar melakukan perbincangan bersama rakan untuk menyelesaikan masalah.
- f. Guru mendemonstrasikan bahan bantu mengajar seperti gambar ilustrasi, model pengajaran atau media sebenar. Demontrasi yang dilakukan oleh guru

ini akan memberi kefahaman yang lebih kepada pelajar kerana pelajar menyaksikan sendiri proses-proses yang berlaku.

- g. Guru dan pelajar melakukan refleksi diakhir pembelajaran. Refleksi yang dilakukan ini membolehkan pelajar mengingati semula isi pembelajaran yang dibelajarnya pada hari tersebut.
- h. Guru hendaklah melakukan penilaian terhadap pelajar. Penilaian boleh dilakukan sebelum, semasa, dan selepas pengajaran. Penilaian boleh dilakukan dengan menggunakan penilaian sumatif dan formatif.

### **KESIMPULANNYA**

Secara kesimpulannya, pembelajaran kontekstual ini amat penting untuk diterapkan dalam diri pelajar semasa proses pembelajaran mereka. Sebagai seorang pendidik, guru perlu bijak dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran dengan menyelitkan pembelajaran kontekstual sebagai salah satu daripadanya untuk menguatkan lagi kefahaman pelajar melalui pemprosesan pengetahuan sedia ada mereka dengan pengetahuan baru yang diberikan oleh guru. Hal ini demikian kerana, melalui pembelajaran kontekstual ini, pembelajaran hanya berlaku apabila pelajar dapat memproses maklumat dan pengetahuan baru dengan cara bermakna kepada mereka. Pembelajaran secara kontekstual ini juga bukan sahaja dapat dilakukan dalam bilik darjah, tetapi juga dapat dilakukan di luar bilik darjah. Secara tidak langsung, pelajar akan dapat meneroka lebih banyak ilmu pengetahuan dalam proses mereka membina pengetahuan baru.

## **BIBLIOGRAFI**

- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan (Edisi Keempat)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Howey R. Kenneth (2001). *Contextual Teaching And Learning: Preparing Teacher To Enhance Student Success In And Beyond School*. Washington DC. ERIC Clearinghouse on Teaching and Teacher Education American Association off College for Teacher Education.
- Johnson, B. Elaine (2002). *Contextual Teaching and Learning: What It Is and Why It's Here to Stay* . California: Corwin Press Inc.
- Kunandar. (2009). *Guru Profesional Implementasi Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP) Dan Sukses Dalam Sertifikasi Guru*. Jakarta: Rajawali Pers.
- Lie, Anita. 2002. *Cooperative Learning Mempraktekkan Cooperative di Ruang-Ruang Kelas*. Jakarta: Gramedia.
- Lukmanul Hakim. (2009). *Perencanaan Pembelajaran*. Bandung: Wacana Prima.
- Muslich, Masnur. (2009). *KTSP Pembelajaran Berbasis Kompetensi dan Kontekstual*. Jakarta: Bumi Aksara.
- Nurhadi dan Senduk. (2003). *Agus Gerrad, Pembelajaran Kontekstual (Contextual Teaching and Learning/CTL) dan Penerapannya dalam KBK*. Malang: Universitas Negeri Malang.
- Rusman. (2012). *Model-Model Pembelajaran: Mengembangkan Profesionalisme Guru*. Jakarta: RajaGrafindo Persada.
- Susan Sears (2003). *Introduction to Contextual Teaching and Learning*. Indiana: Phi Delta Kappa.
- Veerassamy Naidoo. (2010). Project Based Learning (PBL): An Innovative Vehicle for the Assessment of Student Learning in the Science Classroom. (Tesis PhD. Tidak Diterbitkan). Curtin University of Technology, Australia.
- Drs. H. M. Idrus Hasibuan. (2014). Model Pembelajaran CTL (Contextual Teaching and Learning. *Longaritma* Vol II, No.01 (10)